

Kursus dan Peperiksaan Kemahiran Menggred Buah Sawit 2026



Wilayah Selatan Siri 1
(14–16 April 2026)

Wilayah Sabah Siri 2
(7–9 Julai 2026)

Wilayah Sabah Siri 1
(21–23 April 2026)

Wilayah Selatan Siri 2
(14–16 Julai 2026)

Wilayah Tengah Siri 1
(28–30 April 2026)

Wilayah Tengah Siri 2
(28–30 Julai 2026)

Wilayah Timur Siri 1
(12–14 Mei 2026)

Wilayah Sarawak Siri 2
(4–6 Ogos 2026)

Wilayah Sarawak Siri 1
(23–25 Jun 2026)

Wilayah Timur Siri 2
(8–10 September 2026)

Wilayah Utara Siri 1
(23–25 Jun 2026)

Wilayah Utara Siri 2
(22–24 September 2026)



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)

www.mpob.gov.my

PENDAHULUAN

Penggredan buah sawit memainkan peranan penting dalam mengawal selia kualiti buah sawit yang dituai oleh pengusaha ladang dan pekebun kecil. Penggredan buah sawit adalah salah satu aktiviti penting dalam jaminan kualiti (*quality assurance*) yang sedang diusahakan oleh industri sawit. Kursus diadakan bagi memberi kesedaran terhadap pentingnya kualiti buah sawit dalam meningkatkan kadar perahan minyak sawit (OER).

OBJEKTIF

- Memberi pendedahan kepada penggred buah sawit dengan kaedah penggredan mengikut Buku Manual Penggredan Buah Sawit MPOB Edisi Ke-3.
- Menerapkan kemahiran keseluruhan penggredan buah sawit meliputi aspek teknikal, komersial dan falsafah penggredan.
- Meningkatkan pengetahuan tentang amalan agronomi di ladang yang memberi kesan terhadap kualiti buah sawit yang dihasilkan.
- Meningkatkan pengetahuan tentang kualiti buah sawit yang memberi kesan terhadap tahap kecekapan.
- Melatih penggred buah sawit sebagai agen pengembangan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti buah sawit di pasaran.
- Memberi pendedahan mengenai perundangan dan tindakan penguatkuasaan MPOB berkaitan amalan pengendalian, kualiti tandan dan penggredan buah sawit.

Sila imbas/klik
kod QR untuk
pendaftaran



YURAN PENYERTAAN

RM1,500.00/peserta (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima Ratus Sahaja). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau atas talian di atas nama 'Lembaga Minyak Sawit Malaysia'. Peserta dikehendaki membuat pembayaran yuran pendaftaran sebelum kursus dan menghantar/e-mel slip pembayaran.

Penerima : Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Bank : CIMB Islamic Bank Berhad
Tingkat Bawah dan Tingkat Satu,
Blok A-2 & A-3, MKH Avenue,
Jalan Avenue 1A,
43000 Kajang, Selangor
Kod SWIFT : CTBBMYKL
No. Akaun : 8600471810

NOTA PENTING

- Terbuka kepada WARGANEGARA MALAYSIA berusia melebihi 18 tahun sahaja.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.
- Tidak buta warna (permohonan peserta akan ditolak jika didapati GAGAL ujian buta warna).
- Peserta kursus dikehendaki menduduki peperiksaan amali dan teori bagi melayakkan mendapat sijil kursus.
- Yuran pendaftaran tidak dikembalikan sekiranya peserta/pengganti gagal menghadiri kursus.
- Yuran yang dikenakan termasuk bahan-bahan kursus iaitu nota syarahan, makan tengah hari, minum pagi/petang dan pengangkutan ke tempat praktikal semasa kursus.
- Jumlah peserta yang boleh diterima adalah terhad iaitu seramai 80 orang untuk setiap siri kursus.
- Tempat penginapan peserta kursus **tidak** disediakan dan menjadi tanggungan peserta sendiri.

- Pendaftaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui laman web MPOB. Tarikh tutup pendaftaran adalah dua minggu sebelum tarikh kursus beserta bayaran.

PERTANYAAN

Semua surat-menyurat dan pembayaran yuran kursus hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah MPOB
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(u/p: Unit Latihan dan Pengurusan
Persidangan)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Teknikal
En. Mohd Faqehudin Sadiran
Tel: 03-8769 4022
E-mel: faqehudin@mpob.gov.my

Pendaftaran
Cik Nurul Aishah Musa
Tel: 03-8769 4568

En. Mohd Shahrul Niza Yahya
Tel: 03-8769 4870

E-mel: kursus.industri@mpob.gov.my